

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR, PAHANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 67

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- (a) apakah perincian dan kewangan yang telah dan akan disalurkan oleh kerajaan bagi program *e-sport* untuk setiap negeri serta daerah di seluruh negara; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian dalam mewujudkan organisasi pengurusan kementerian dan latihan *e-sport* peringkat negeri dan daerah di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukan bajet berjumlah RM10 juta kepada *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) semasa pembentangan Belanjawan 2019. Melalui peruntukan kewangan ini, persetujuan telah dicapai di antara MDEC dan Majlis Sukan Negara (MSN)

SOALAN NO. 68

bagi membangunkan *Esports* dengan memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama seperti :

- (a) Promosi *Esports* Dalam Bidang Industri;
 - (b) Kefahaman Umum Tentang Industri ‘*E-gaming*’;
 - (c) Kefahaman Umum Tentang Faedah *Esports* Kepada Golongan Remaja;
 - (d) Penganjuran Liga *Esports* Kebangsaan;
 - (e) Persediaan Atlet Ke Arah Sukan SEA 2019;
 - (f) Usahasama Pembangunan *Esports* Bersama Pemegang Taruh Berkaitan.
2. Pihak Kementerian melalui MSN dengan kerjasama Persatuan Sukan Elektronik Malaysia dalam perbincangan untuk menganjurkan Liga Sukan Elektronik Malaysia yang pertama. Ia akan melibatkan semua persatuan sukan elektronik negeri dan dijadikan sebagai pendedahan pertandingan kepada penggiat sukan elektronik di peringkat akar umbi. Di samping itu juga, sukan elektronik ini buat pertama kalinya akan dipertandingkan di Temasya SUKMA 2020 akan datang di negeri Johor.
3. *Blueprint Esports* Kebangsaan yang pertama akan dilancarkan pada tahun ini dimana ia akan menjadi rangka pembangunan *Esports* di Malaysia. *Blueprint* ini merangkumi semua aspek asas termasuk hala tuju, pembangunan atlet, pengurusan persatuan, penganjuran pertandingan dan kemudahan infrastuktur yang akan menjadi panduan pelaksanaan program ini di pelbagai peringkat.

Sekian, terima kasih.